

**PEKELILING PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR**  
**BIL.3/1986**

---

**MENGECUALIKAN BAYARAN PREMIUM DENDA (TAMBAHAN KEPADA PREMIUM) BAGI PEMBERIMILIKAN TANAH KEPADA PKNS DAN MEMINDA TEMPOH PAJAKAN DARI 60 TAHUN KEPADA 99 TAHUN BAGI TAPAK-TAPAK INDUSTRI YANG DILULUSKAN PEMBERIMILIKAN KEPADA PKNS**

---

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bermesyuarat pada 24.9.1986 telah membuat keputusan seperti berikut:

- (i) Dikecualikan premium denda (premium tambahan) kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor bagi permohonan-permohonan pemberimilikan tanah yang telah diluluskan atau sedang dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
- (ii) Dipinda tempoh pajakan dari 60 tahun kepada 99 tahun bagi pemberimilikan tanah untuk tapak-tapak industri yang telah dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor tertakluk kepada syarat di mana suratan hakmilik berasingannya belum lagi didaftarkan. Dalam kes ini, kadar premium yang dikenakan hendaklah dipinda semula berdasarkan kepada formula perkiraan yang dikenakan sesuai dengan tempoh pajakan yang baru.

2. Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di atas, Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:-

### **2.1. Premium Denda**

2.1.1. Bagi tanah-tanah yang telah diluluskan pemberimilikannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor yang menghendaki pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor membayar premium denda (iaitu berdasarkan kepada cukai tahunan yang belum dibayar sepanjang tempoh tanah tersebut telah diusahakan atau diduduki) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor belum lagi membayarnya, maka syarat kelulusan mengenai pembayaran premium denda ini hendaklah dibatal.

2.1.2. Dengan yang demikian, sekiranya surat kelulusan pemberimilikan belum lagi dikeluarkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mempastikan supaya syarat mengenai pengenaan peremim denda itu tidak dimasukkan di dalam surat kelulusan yang akan dikeluarkan kelak; dan jika surat kelulusan telah dikeluarkan dalam mana disyaratkan pengenaan premium denda, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor tidak perlu

membayarnya apabila ia membuat lain-lain bayaran kepada Pentadbir Tanah Daerah.

2.1.3. Pengecualian premium denda ini tidak menyentuh bayaran premium denda yang telah pun dijelaskan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

2.2. **Pindaan Tempoh Pajakan Dari 60 Tahun Kepada 99 Tahun Bagi Pemberimilikan Tanah Bagi Tapak Industri Kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor**

2.2.1. Pindaan tempoh pajakan dari 60 tahun kepada 99 tahun ini adalah bagi tanah-tanah yang diluluskan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor untuk industri yang hakmilik mengenainya belum lagi didaftarkan. Kadar premiumnya hendaklah dipinda dan dikira berdasarkan kepada formula pajakan 99 tahun iaitu mengikut perkiraan yang ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 1966.

2.2.2. Pindaan tempoh pajakan ini tidak boleh dibuat ke atas pemberimilikan tanah yang telah didaftarkan hakmiliknya.

3. Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki mengambil tindakan yang sewajarnya menurut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang tersebut di atas.

T.T  
**(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor,  
**Shah Alam.**

Bil.(3)dlm.PTG.Sel.34/5/2

Bertarikh pada 14hb. Oktober 1986